

BAHAGIAN A

(20 markah)

Soalan 1 hingga 16

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Erma belajar _____ sarung ketupat daripada neneknya.

A menenun	C memilin
B menganyam	D menyulam

2. “Maafkan _____ kerana tidak berjaya mengalahkan lanun itu,” kata Bendahara Ali kepada Sultan.

A saya	C patik
B aku	D hamba

3. “Nita, _____ datang ke majlis hari jadi adik saya minggu depan,” pelawa Idah.

A janganlah	C jemputlah
B usahlah	D silahkan

4. Faizah membeli dua _____ jagung bakar untuk adiknya.

A tongkol	C papan
B biji	D buah

Soalan 5 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1


5. Tukang rumah itu sedang _____ sekeping papan.

A mengetam	C memaku
B memahat	D menggergaji

6. Daniel sangat suka akan sup _____ ikan yang dimasak oleh ibunya.

- | | | | |
|---|----------|---|----------|
| A | bebola | C | bebuli |
| B | bebawang | D | bebendul |

Soalan 7 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

7. Pekerja itu _____ dahan pokok yang menghalang pandangan lalu lintas.

- | | | | |
|---|----------|---|-----------|
| A | membelah | C | mencantas |
| B | menebus | D | menebang |

Soalan 8 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

8. Nyambek _____ apabila bahunya dicuit dari belakang oleh lelaki yang tidak dikenalnya.

- | | | | |
|---|-----------|---|----------|
| A | tergamam | C | terdiam |
| B | tersentak | D | terpukau |

9. Wahida rajin mengemas rumah. _____, dia merupakan anak sulung dalam keluarganya.

- | | | | |
|---|----------------|---|---------------|
| A | Lantaran itu | C | Tambahan pula |
| B | Namun demikian | D | Selain itu |

10. Suasana di Stadium Nasional Bukit Jalil itu _____ oleh sorakan penonton.
- | | | | |
|---|----------------|---|--------------|
| A | mundar-mandir | C | hiruk-pikuk |
| B | lintang-pukang | D | simpang-siur |
11. _____Majlis penyampaian hadiah itu disusun oleh setiausaha Hari Keluarga sekolah kami.
- | | | | |
|---|------------|---|----------|
| A | Tatasusila | C | Tatacara |
| B | Tatatertib | D | Tatahias |
12. Ayah membaca se _____ surat khabar sambil mendengar radio.
- | | | | |
|---|---------|---|--------|
| A | keping | C | helai |
| B | naskhah | D | kajang |

Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat di bawah ini.

13. Kecantikan Mahsuri yang _____ itu menjadi bualan penduduk Langkawi.
- | | | | |
|---|------------------------------|---|-----------------------------|
| A | bagai pinang dibelah dua | C | bagai cincin dengan permata |
| B | bagai bulan dipagari bintang | D | bagai bertih digoreng |

Pilih kata seerti yang paling sesuai bagi kata yang bergaris.

14. Murid yang melanggar peraturan sekolah itu telah dikenakan tindakan tatatertib..
- | | | | |
|---|-------------|---|-----------|
| A | menolak | C | menentang |
| B | mengingkari | D | menyalahi |

Pilih perkataan berlawanan yang sesuai bagi kata yang bergaris.

15. Hubungan persahabatan Ana dan Mila makin **renggang** sejak mereka berselisih faham.
- | | | | |
|---|-------|---|--------|
| A | rapat | C | ketat |
| B | dekat | D | hampir |

Soalan 16 berdasarkan Gambar 4



Gambar 4

16. Apakah simpulan bahasa yang berkaitan dengan situasi dalam gambar?

- | | | | |
|---|---------------|---|--------------|
| A | ringan tulang | C | habis akal |
| B | berat mulut | D | rambang mata |

Soalan 17 hingga Soalan 20

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Taman Orkid Antarabangsa Serendah terletak 40 kilometer ke utara Kuala Lumpur. Taman Orkid ini diwujudkan bersempena dengan Persidangan Orkid Sedunia yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 2011.

Taman Orkid ini mempunyai **keistimewaannya** yang tersendiri. Orkid yang ditanam di kawasan ini mempunyai pokok yang segar dan banyak mengeluarkan bunga. Hal ini disebabkan oleh iklim yang amat menyegarkan di kawasan tanah tinggi.

Di Taman Orkid Antarabangsa ini terdapat lebih kurang 500 jenis orkid. Kebanyakan orkid di sini adalah orkid kacukan. Namun, ada juga orkid hutan. Orkid-orkid di sini jarang-jarang ditemukan di tempat lain.

Peminat orkid banyak mempunyai pilihan jika membeli orkid di sini. Harga yang ditawarkan adalah antara RM5 hingga RM70 bergantung kepada jenis bunganya. Semasa membeli orkid, pegawai yang bertugas akan menerangkan cara-cara menanam orkid yang betul, cara mencegah serangan penyakit, dan cara membaja orkid yang betul.

Semenjak taman ini dibuka, kira-kira 25 000 pengunjung telah berkunjung ke sini setiap tahun. Selain pengunjung tempatan, pengunjung dari luar negara, misalnya dari India, Taiwan, China, Afrika Selatan, Scotland, Jerman, dan Perancis tertarik untuk datang ke sini.

Di samping berpeluang menikmati keindahan dan kecantikan pelbagai jenis orkid, pengunjung dapat juga menaiki menara tinjau untuk melihat pemandangan yang menghijau di Taman Orkid Antarabangsa Serendah.

17. Perkataan **keistimewaan** dalam petikan bermaksud...
- | | | | |
|---|------------|---|------------|
| A | keunikan.. | C | kebesaran |
| B | kelebihan. | D | keindahan. |
18. Pernyataan yang berikut adalah benar tentang orkid yang terdapat di Taman Orkid Antarabangsa Serendah, kecuali...
- A pokok-pokoknya segar dan mengeluarkan bunga.
- B jenis orkidnya ialah orkid hutan dan orkid kacukan.
- C orkid di sini tidak perlu dijaga dengan teliti.
- D orkid yang ditanam di sini tidak kurang daripada 500 jenis.
19. Apakah bukti yang menunjukkan bahawa Taman Orkid Antarabangsa mendapat perhatian orang ramai?
- A banyak pelancong dari dalam dan luar negeri yang mengunjungi taman itu
- B pelancong banyak membeli pokok orkid sebagai tanda kenangan
- C bilangan pelancong asing yang mengunjungi taman ini melebihi bilangan penduduk setempat
- D pengunjung sering menaiki menara tinjau
20. Pada pendapat anda, mengapakah Taman Orkid Antarabangsa Serendah diwujudkan?
- A untuk memperkenalkan tanaman orkid kepada generasi baru
- B untuk memperindah Bandar Raya Kuala Lumpur
- C untuk mempelbagaikan tanaman yang terdapat di negara kita
- D untuk menanam minat orang ramai terhadap pokok orkid